

15 NOV 1999

Mahathir-Calon

MAHATHIR JUMPA KETUA PERHUBUNGAN UMNO BINCANG SENARAI CALON

PUTRAJAYA, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menemui beberapa orang Menteri Besar selaku Ketua Perhubungan Umno negeri untuk membincangkan senarai calon untuk pilihan raya umum pada 29 Nov ini.

Mereka yang menemuinya pada sebelah pagi ialah Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Pada sebelah petang yang menemui beliau ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Difahamkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi selaku ketua perhubungan Umno Pulau Pinang turut berjumpa dengan Dr Mahathir petang ini, bagaimanapun ia tidak dapat disahkan.

Ramli, yang juga ketua Perhubungan Umno Perak ketika ditemui selepas perjumpaan itu berkata, calon daripada Umno Perak telah dikemukakan kepada Dr Mahathir selaku Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional, tetapi keputusan muktamad mengenainya belum dibuat.

"Kita dah bincang, kita dah analisis calon satu persatu, keputusan belum (dibuat) lagi," kata.

Beliau berkata, seperti biasa, keputusan mengenai calon-calon itu akan hanya diketahui sehari sebelum hari penamaan calon iaitu Jumaat ini (19 Nov).

Ditanya sama ada senarai calon itu banyak menampilkan muka baru beliau berkata, "tak tahu lagi kerana keputusan belum dibuat."

Ramli berkata, perbincangan beliau dengan Dr Mahathir mengambil masa kira-kira 45 minit.

Turut kelihatan meninggalkan Jabatan Perdana Menteri ialah Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Napsiah Omar, yang juga anggota Exco Kerajaan Negeri Sembilan.

Esok ketua-ketua perhubungan Umno dari Kedah, Terengganu, Kelantan, Wilayah Persekutuan dan Sabah serta ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain dijangka menemui Perdana Menteri untuk membincangkan senarai calon parti masing-masing.

-- BERNAMA

AFY AD RI